

ABCDE dalam objektif pembelajaran Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Bahasa Melayu

Mohd Sufian Ismail¹, Anida Sarudin^{2*}, Mohd Hafiz Mohamad Tarmizi¹, Rozita Hj Omar¹, Khairulanuar Ismail¹, Nor Azimah Ariffin¹, Nor Anita Mat Isa¹, Ahmad Jihadi Abu Samah¹ dan Nor Anis Izzati Muhamad Sahlan¹

¹Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh, Postcode: 31150, Hulu Kinta, Perak, Malaysia

²Jabatan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Postcode: 35900, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: anida@fbk.upsi.edu.my

To cite this article (APA): Ismail, M. S., Sarudin, A., Mohamad Tarmizi, M. H., Omar, R., Ismail, K., Ariffin, N. A., Mat Isa, N. A., Abu Samah, A. J., & Muhamad Sahlan, N. A. I. (2025). ABCDE dalam objektif pembelajaran Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Bahasa Melayu. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 15(1), 20-29. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol15.1.3.2025>

Received: 18 November 2024; **Revised:** 22 January 2025; **Accepted:** 20 May 2025; **Published:** 30 May 2025

Abstrak

Penulisan objektif pembelajaran dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi subjek Bahasa Melayu banyak disampaikan secara lisan melalui taklimat dan bengkel kepada guru-guru. Namun demikian, garis panduan yang jelas bagi penulisan objektif pembelajaran dalam bentuk penulisan akademik masih berpotensi dan bermotivasi dikembangkan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis elemen utama yang terdapat dalam objektif pembelajaran subjek Bahasa Melayu. Kajian berbentuk analisis teks, iaitu melibatkan data RPH. Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik digunakan bagi menjana elemen utama dalam penulisan objektif pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima elemen utama berpotensi digunakan bagi membina objektif pembelajaran, iaitu 'Audien' (*Audience*), 'Tingkah laku' (*Behavior*), 'Kandungan' (*Content*), 'Tahap' (*Degree*) dan 'Kecekapan' (*efficiency*) yang diringkaskan menjadi elemen ABCDE. Implikasi kajian ini membolehkan satu garis panduan yang jelas dibina untuk penulisan objektif pembelajaran bagi subjek Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini turut mengembangkan potensi penggunaan Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik dalam proses penjaan tema bagi sesuatu analisis.

Keywords: ABCDE, objektif pembelajaran, RPH, ATLAS.ti, bahasa Melayu

Abstract

Writing Learning Objectives in Daily Teaching Plans (RPH) for the Malay Language subject is often conveyed orally through briefings and workshops to teachers. However, clear guidelines for writing learning objectives in the form of academic writing are still potential and motivated to be developed. This study aims to analyze the main elements found in the learning objectives of the Malay Language subject. The study is in the form of text analysis, which involves RPH data. The ATLAS.ti Systematic Analysis Procedure is used to generate the main elements in writing learning objectives. The study findings show that there are five main elements with the potential to be used to build learning objectives, namely 'Audience', 'Behavior', 'Content', 'Degree' and 'Efficiency' which are summarized into ABCDE elements. The implications of this study allow a clear guideline to be built for writing learning objectives for the Malay Language subject. In addition, this study also develops the potential for using the ATLAS.ti Systematic Analysis Procedure in the process of generating themes for an analysis.

Keywords: ABCDE, learning objectives, RPH, ATLAS.ti, Malay language

Pengenalan

Rancangan Pengajaran Harian (RPH) merupakan alat penting yang digunakan oleh guru di Malaysia untuk merangka dan melaksanakan pengajaran secara sistematik dan berkesan. Dalam konteks pendidikan kini, penyediaan RPH bukan sahaja melibatkan perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, malah perlu pengintegrasian elemen-elemen seperti teknologi pendidikan, perbezaan pengajaran, dan penilaian formatif yang menyeluruh (Che Isa & Hj Azid Aziz, 2016). Penekanan terhadap penggunaan RPH yang komprehensif menjadi semakin penting bagi memastikan keberkesanan pengajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar yang pelbagai. Oleh itu, RPH memainkan peranan yang kritikal dalam membentuk pengalaman pembelajaran yang berkualiti serta memperkukuh pencapaian akademik pelajar (Nachiappan et al., 2016).

Penyediaan RPH juga mencerminkan kepentingan perancangan pengajaran yang berstruktur dan berfokus kepada pencapaian objektif pembelajaran. Guru di Malaysia perlu merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai panduan utama dalam merangka RPH yang memenuhi standard pendidikan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Abdul Razak et al., 2021). Dalam proses ini, guru perlu memastikan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang bukan sahaja sejajar dengan keperluan kurikulum, tetapi juga menyokong pembangunan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreatif, dan kolaborasi (Sze Chong & Mahamod, 2017). Hal ini penting bagi memastikan pelajar dapat menguasai kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dunia masa depan.

Kajian menunjukkan bahawa guru sering menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan RPH dengan keperluan pelajar yang berbeza, terutamanya dalam kelas yang mempunyai tahap kemampuan yang berbeza (Che Isa & Hj Azid Aziz, 2016). Tambahan pula, masa yang terhad untuk penyediaan RPH serta beban kerja yang semakin meningkat turut menjejaskan kualiti perancangan pengajaran yang dilaksanakan. Proses perancangan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berstruktur memerlukan guru memastikan setiap aktiviti PdP berasaskan objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Dalam hal ini, proses pembinaan objektif pembelajaran amat penting bagi memastikan RPH yang dirancang menepati standard yang ditetapkan.

Penulisan objektif pembelajaran juga merupakan salah satu aspek kritikal dalam perancangan dan pelaksanaan kurikulum pendidikan. Objektif pembelajaran yang ditulis dengan baik dapat memberikan panduan yang jelas kepada pelajar mengenai perkara yang diharapkan daripada mereka selepas sesi pembelajaran. Namun begitu, terdapat kes para pendidik mengalami kesukaran untuk menulis objektif pembelajaran yang spesifik dan boleh diukur sehingga berisiko memberi kesan negatif terhadap keberkesanan pengajaran. Kajian menunjukkan bahawa objektif pembelajaran yang kabur atau tidak tepat boleh mengurangkan keberkesanan pentaksiran, penilaian dan penyampaian pengajaran, serta menjejaskan pencapaian pelajar (Chatterjee & Corral, 2017; Hughes, 1999).

Tambahan pula, walaupun objektif pembelajaran merupakan komponen utama dalam reka bentuk kurikulum, terdapat kekurangan pemahaman yang mendalam dalam kalangan pendidik tentang cara menulis objektif yang sejajar dengan strategi pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran. Hal ini menyebabkan wujud jurang antara perkara yang dirancang oleh guru dan perkara yang dicapai oleh murid. Kajian Fadoli (2022) mendapati bahawa masih terdapat guru yang menghadapi cabaran dalam menulis objektif yang lengkap dengan komponen seperti 'syarat' (*condition*), 'tingkah laku' (*behavior*) dan 'kriteria' (*criteria*). Keadaan ini menunjukkan bahawa keperluan kajian bagi menghasilkan satu garis panduan yang jelas dalam proses penulisan objektif pembelajaran adalah relevan. Pendekatan Cambell (2014) dalam penulisan objektif pembelajaran yang menekankan elemen 'Audien' (*Audience*), 'Tingkah laku' (*Behavior*), 'Syarat' (*Condition*) dan 'Tahap' (*Degree*) juga berpotensi dikembangkan dan dianalisis penggunaannya dalam penulisan RPH. Dimensi 'Pengetahuan' (*Knowledge*) yang dibincangkan bersama taksonomi Bloom dalam Anderson & Krathwohl (2001) juga dilihat selaras dengan elemen 'Syarat' (*Condition*) dalam Cambell (2014) dan Fadoli (2022). Dalam penulisan ini, elemen 'Pengetahuan' dikenali sebagai elemen 'Kandungan' (*Content*). Di samping itu, walaupun kajian sebelum ini menunjukkan kepentingan objektif pembelajaran dalam meningkatkan prestasi pelajar, kajian pada data RPH dengan menggunakan perisian terkini berpotensi diaplikasikan bagi menjana elemen utama bagi penulisan objektif pembelajaran untuk dijadikan asas kepada penulisan (Mohd Sufian et al., 2024).

Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis elemen utama yang terdapat dalam objektif pembelajaran subjek Bahasa Melayu.


Metodologi

Reka bentuk kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan perisian *Computer-Aided Qualitative Data Analysis Software* (CAQDAS), iaitu ATLAS.ti. Putri et al. (2016) menyatakan bahawa kajian kualitatif menyediakan deskripsi mendalam serta pemahaman yang komprehensif terhadap fenomena yang dikaji. Sehubungan itu, Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik Mohd Sufian et al. (2024) dengan penerapan Model NCT Frieze (2012) dan fasa analisis TCA Frieze et al. (2018) dipraktikkan dalam kajian ini. Menurut Saldana (2016) dan Mohd Sufian & Anida (2024) model pengkodan perlu untuk kajian kualitatif kerana telah diuji secara empirikal dalam pelbagai konteks. Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik Mohd Sufian et al. (2024) menggariskan tiga komponen utama dalam proses analisis, iaitu 'Memerhatikan' (*noticing things*), 'Mengumpulkan' (*collecting things*), dan 'Memikirkan' (*thinking about things*). Prosedur ini menggabungkan bersama model NCT Frieze (2012) dengan fasa TCA Frieze et al. (2018) yang memperkenalkan tujuh fasa analisis, iaitu fasa pengenalan dengan data, fasa penjanaan kod awal, fasa pembentukan kod berstruktur, fasa pencarian tema, fasa semakan tema, fasa definisi tema, dan fasa penulisan laporan. Berikut merupakan rajah 1 Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik yang digunakan dalam kajian ini.

Rajah 1

Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik



Nota. Adaptasi daripada Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik Mohd Sufian et al. (2024).

Proses analisis dilakukan dengan pengkodan induktif pada 270 data RPH, iaitu melibatkan 232 RPH yang merangkumi enam jenis sekolah yang berbeza daripada perkongsian guru-guru di laman sesawang bumi gemilang dan 38 RPH daripada guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia. Berdasarkan Hennink & Kaiser (2022) dan Mohd Sufian et al. (2022), ketepuan analisis terhasil setelah sembilan data digunakan. Namun demikian, jumlah data yang tinggi dalam kajian ini bertujuan bagi menjana koleksi kata kunci utama bagi penulisan objektif pembelajaran. Analisis kajian difokuskan pada bahagian objektif pembelajaran. Berikut merupakan ringkasan data RPH.

Jadual 1

Ringkasan Data RPH


Sumber data	Sekolah/Institut	Jumlah	Purata
RPH laman sesawang Bumi Gemilang (https://www.bumigemilang.com/koleksi-rph-rancangan-pengajaran-harian/) dimuat naik pada 22 Ogos 2024	6	232	38
RPH IPG	1	38	38

Dapatan dan perbincangan

Analisis pada fasa dua, iaitu penjanaan kod awal telah menjana 12 tema. Setiap tema diringkaskan atas keperluan teknikal dan pengkodan yang sistematik. Setiap tema dijelaskan definisinya bagi membolehkan proses pengkodan selaras sepanjang analisis dilakukan. Tema tersebut ialah ‘Audien’ (OP-A), ‘Tingkah laku’ (OP-B), ‘Kandungan’ (OP-C), ‘Konteks pada kandungan’ (OP-Coc), ‘Tahap’ (OP-D), ‘Kecekapan’ (OP-E) dan ‘Bentuk’ (OP-F), ‘kemahiran mendengar bertutur’ (OP-MB), ‘kemahiran membaca’ (OP-MBC), ‘kemahiran menulis’ (OP-MLS), ‘aspek seni bahasa’ (OP-SB) dan ‘aspek tatabahasa’ (OP-T). Berikut merupakan rajah 2 tema hasil daripada proses penjanaan kod awal.

Rajah 2

Tema daripada Penjanaan Kod Awal



Nota. OP=Objektif pembelajaran. Nilai angka=jumlah ketepuan pada data.


Berdasarkan rajah 2, keseluruhan pengkodan telah melibatkan 2003 segmen teks pada bahagian objektif. Jumlah ini merangkumi 12 tema yang telah dibentuk. Tema yang paling tinggi dikodkan pada data ialah OP-C, iaitu sebanyak 580 segmen teks. Seterusnya diikuti OP-B sebanyak 384 segmen teks, OP-A sebanyak 304 segmen teks, OP-E sebanyak 292 segmen teks, OP-T sebanyak 97 segmen teks, OP-D sebanyak 92 segmen teks, OP-CoC sebanyak 66 segmen teks, OP-MLS sebanyak 55 segmen teks, OP-MBC sebanyak 52 segmen teks, OP-MB sebanyak 48 segmen teks, OP-SB sebanyak 34 segmen teks dan akhir sekali OP-F sebanyak 16 segmen teks.

Binaan kod berstruktur

Pada fasa binaan kod berstruktur, kod awal yang terhasil daripada analisis sebelum ini akan diteliti dan disusun mengikut kategori utama. Pada fasa ini, dua kategori utama telah dibina, iaitu kategori ‘Kemahiran dan Aspek’, dan kategori ‘Elemen ABCDEF’. Berikut merupakan rajah 3 binaan kategori utama tersebut.

Rajah 3

Kategori daripada Penstrukturan Kod Awal




Nota. OP=Objektif pembelajaran. Elemen ABCDEF=unsur dalam Objektif Pembelajaran. Kemahiran & Aspek=unsur dalam Standard Pembelajaran.

Berdasarkan rajah 3, kategori 'Elemen ABCDEF' menunjukkan jumlah pengekodan yang tinggi, iaitu sebanyak 1734 segmen teks. Pada kategori 'Kemahiran & Aspek' pula, jumlah pengekodan pada segmen data adalah sebanyak 270. Tema bagi setiap kategori utama ini telah disusun mengikut konsep yang ada pada tema masing-masing. Berikut merupakan rajah 4 bagi menunjukkan susunan tema pada kategori utama tersebut.

Rajah 4

Tema daripada Penstrukturan Penjanaan Kod Awal



Nota. Elemen ABCDEF=Kategori 1. Kemahiran & Aspek=Kategori 2. OP-A, OP-B, OP-C, OP-CoC, OP-D, OP-E, OP-F, OP-MB, OP-MBC, OP-MLS, OP-SB dan OP-T=Tema.

Dalam rajah 4, kategori 'Elemen ABCDEF' telah melibatkan tema OP-A, OP-B, OP-C, OP-CoC, OP-D, OP-E dan OP-F. Pada kategori 'Kemahiran & Aspek' pula, tema yang terlibat ialah OP-MB, OP-MBC, OP-MLS, OP-SB dan OP-T. Dalam kajian ini, fokus diberikan kepada kategori 'Elemen ABCDEF' dalam penulisan objektif pembelajaran. Dalam kategori ini, dapat diperhatikan bahawa jumlah pengekodan pada data mempunyai perbezaan yang tinggi, iaitu melibatkan pengekodan tinggi, sederhana dan rendah. Pengekodan yang tinggi berlaku pada empat tema, iaitu tema OP-C, OP-B, OP-A dan OP-E. Pengekodan sederhana berlaku pada dua tema, iaitu tema OP-D, dan OP-CoC. Pengekodan yang rendah pula hanya melibatkan satu tema, iaitu OP-F. Namun demikian, jika dibandingkan penulisan RPH antara data laman sesawang bumi gemilang yang mewakili penulisan RPH oleh guru di sekolah dengan data RPH IPG yang mewakili guru pelatih, dapat diperhatikan bahawa terdapat tema yang tidak dipraktikkan dalam penggunaan di sekolah. Berikut merupakan rajah 5 berkaitan analisis *code-document table* bagi menggambarkan keadaan tersebut.

Rajah 5

Analisis 'Code-Document Table' pada Jenis RPH

		RPH Bumi Gemilang 88 1915	RPH IPG 38 485	Totals
OP-A	304	262	38	300
OP-B	384	296	76	372
OP-C	580	492	76	568
OP-CoC	66		58	58
OP-D	92	19	60	79
OP-E	292	216	66	282
OP-F	16		12	12
Totals		1285	386	1671

Nota. Kepekatan warna pekat=pengekodan tinggi pada data. Kepekatan warna cerah=pengekodan rendah pada data.


Berdasarkan rajah 5, indikator kepekatan warna pada lajur RPH Bumi Gemilang menunjukkan tema yang digunakan dalam penulisan RPH adalah tidak sekata. Tema OP-CoC yang mewakili 'Konteks dalam kandungan' dan tema OP-F yang mewakili 'Bentuk' tidak dipraktikkan dalam penggunaan di sekolah. Tema OP-C yang mewakili 'Kandungan' merupakan kod yang paling tinggi frekuensi pengekodan manakala kod OP-D yang mewakili 'Tahap' pula menunjukkan jumlah pengekodan yang paling kurang. Dalam data RPH IPG, dapat dilihat bahawa semua tema digunakan secara sekata. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan indikator kepekatan warna yang dipaparkan pada lajur RPH IPG. Namun demikian, terdapat tema yang agak kurang penggunaannya, iaitu tema OP-F yang mewakili 'Bentuk'.

Pencarian tema

Dalam proses pencarian tema, analisis *code co-occurrence* digunakan bagi mendapatkan tema yang berpotensi bagi penulisan RPH. Berikut merupakan rajah hasil analisis tersebut.

Rajah 7

Analisis 'Code Co-occurrence' bagi Pencarian Tema Menggunakan 'Force-Directed Graph'



Nota. Dimensi bulatan besar dan jarak dekat=pengekodan tinggi pada data. Dimensi bulatan kecil dan jarak jauh=pengekodan rendah pada data.

Berdasarkan rajah 7, analisis *code co-occurrence* menggunakan *Force-Directed Graph* menunjukkan bahawa tema OP-A, OP-B, OP-C dan OP-E mempunyai bentuk yang besar dan jarak yang dekat dengan setiap kemahiran dan aspek bahasa. Bentuk dan jarak ini berpada untuk pembentukan tema. Tema OP-CoC dan OP-D pula mempunyai saiz yang sama dan lebih kecil serta jarak yang lebih jauh daripada kemahiran dan aspek bahasa. Hal ini menjadikan dua tema ini perlukan proses semakan semula. Akhir sekali, tema OP-F yang sangat kecil dan jaraknya yang sangat jauh menjadikan tema ini tidak diangkat sebagai tema utama dalam penghasilan objektif pembelajaran. Proses analisis diteruskan kepada fasa semakan tema.

Semakan tema

Dalam proses semakan tema, analisis telah dibataskan pada data RPH IPG sahaja. Proses semakan tema dilakukan dengan analisis *code co-occurrence* menggunakan nilai *coefficient*. Berikut merupakan rajah hasil analisis tersebut.

Rajah 8

Analisis 'Code Co-occurrence' berdasarkan Nilai 'Coefficient' bagi Pencarian Tema

	○ IPG
	44
OP-A	304 41 (0.13)
OP-B	384 88 (0.26)
OP-C	580 88 (0.16)
OP-CoC	66 66 (1.50)
OP-D	92 73 (1.16)
OP-E	292 76 (0.29)
OP-F	16 16 (0.36)

Nota. Simbol bulatan kuning=kod relevan. Simbol bulatan merah=kod tidak relevan. Tiada simbol=kod tidak efektif.

Dalam rajah 8, nilai *coefficient* telah ditandakan dengan indikator simbol bulatan kuning dan merah. Indikator kuning menunjukkan tema tersebut wajar diangkat sebagai tema utama. Indikator merah pula menunjukkan tema tersebut wajar digabungkan. Berdasarkan analisis ini, tema OP-CoC telah dibuat semakan semula dan tema OP-D dikekalkan. Proses analisis diteruskan dengan mendapatkan pengesahan bagi tema yang telah dijana dan dibuat semakan.


Pengesahan tema

Proses pengesahan tema dalam kajian ini menggunakan nilai pekali alfa Krippendorff (α) untuk mengukur persetujuan antara pengekod. Pekali alfa Krippendorff (α) dalam analisis *inter-code agreement* ini memperoleh nilai 0.90, iaitu nilai yang diterima.

Berdasarkan dapatan kajian, objektif pembelajaran yang dihasilkan oleh keseluruhan penulisan RPH pada data yang dikaji telah menghasilkan 12 tema yang dapat dibahagikan kepada dua kategori utama seperti dalam rajah 4. Namun demikian, tema yang digunakan adalah berbeza jika dibanding antara data RPH guru dan data RPH guru pelatih. Tema yang digunakan oleh guru dalam penulisan objektif pembelajaran lebih ringkas, iaitu melibatkan tema OP-C, OP-A, OP-B dan OP-E. Walaupun terdapat tema OP-D yang digunakan, jumlah ini adalah sangat kecil dan perbezaannya sangat ketara dengan tema lain. Berikut merupakan rajah bagi menggambarkan perbincangan tersebut.

Rajah 9

Perbandingan Tema RPH Bumi Gemilang dengan RPH IPG




Nota. RPH Bumi Gemilang=5OP, OP-E. RPH IPG=7OP

Dalam penulisan RPH IPG pula, tema yang digunakan agak menyeluruh. Hal ini bersesuaian dengan proses praktikal yang memerlukan setiap elemen diteliti dalam penulisan RPH pelatih. Berdasarkan rajah 9, dapat diperhatikan semua tema hadir dalam penulisan RPH guru pelatih. Namun demikian, tema OP-F adalah sangat kecil bilangannya. Dalam kajian ini, tema yang telah terhasil dan berpotensi diangkat menjadi tema utama dalam penulisan RPH adalah melibatkan tema OP-A, OP-B, OP-C, OP-D dan OP-E. Singkatan bagi tema ini diringkaskan menjadi ABCDE. Dapatan ini telah mengembangkan lagi teknik Cambell (2014) yang menggunakan ABCD sebagai elemen dalam penulisan RPH. Selain itu, daripada tiga elemen penulisan objektif pembelajaran Fadoli (2022), hanya elemen ‘tingkah laku’ (*behavior*) yang terlibat dalam kajian manakala elemen ‘syarat’ (*condition*) dan ‘kriteria’ (*criteria*) tidak ditemukan.

Hasil daripada tema berpotensi yang dijana, panduan kata bagi setiap tema utama ini juga telah dijana. Panduan kata ini dijana berdasarkan *word cloud* menggunakan perisian ATLAS.ti. Dalam Mohd Sufian et al. (2024), analisis *word cloud* turut digunakan bagi memperoleh koleksi kata kunci utama pada tema yang dibentuk. Berikut merupakan *word cloud* yang dijana bagi tema ABCDE yang mewakili ‘Audien’ (A), ‘Tingkah laku’ (B), ‘Kandungan’ (C), ‘Tahap’ (D) dan ‘Kecekapan’ (E).

Rajah 10

Analisis 'Word Cloud' pada Elemen ABCDE



Berdasarkan *word cloud* pada rajah 10, panduan bagi penulisan objektif pembelajaran menggunakan elemen ABCDE dihasilkan berdasarkan susunan senarai kata yang dijana bagi setiap tema. Berikut merupakan jadual panduan elemen ABCDE dalam penulisan objektif pembelajaran.

Jadual 2

Panduan Kata bagi Elemen

Tema	Panduan kata
Audien (A)	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat: mengenal pasti, menggunakan, membaca, menulis, membina, menghasilkan, mendengar, memberikan, menyebut, respons, mempersembahkan, menyatakan, menyenaraikan, bercerita, memberi, berbual, bermacam, mengedit, melengkapkan, menyanyikan, bertutur, menjelaskan, melafazkan, memurnikan, menyusun, mengujarkan semula, contoh, memadankan, mencatat, menceritakan, mengenal pasti, mengisi, menuturkan, dialog, membandingkan, mencipta, mengkategorikan, menjawab, mentafsir, menyampaikan, rumusan, alasan, kemukakan, melagukan, melakonkan, membezakan, membuat, menamakan, mendeklamasikan, mengisikan, mengubah, menuliskan, menyelesaikan, padankan, pandangan, respon, suai, ulasan
Kandungan (C)	kata, ayat, nama, kerja, adjektif. Khas, am, hubung, perkataan, sastera, ganti, bilangan, teks, transitif, penjodoh, lagu, cerita, majmuk, petikan, ganda, penyata, sendi, tunggal. Perenggan, soalan, suku, terbuka, tugas, baca, dialog, frasa, penulisan, perintah, aktif,

bersambung

	berimbuhan, ciri, dibaca, idea, maklumat, pantun, separa, bahasa, isi, karya, tanya, bercapah, naratif, nilai, pesanan, seru, aspek, diri, ejaan, golongan, tanda, tersirat, tersurat, berangkai, diftong, pasif, rangkap, respons, simpulan, struktur, tulisan, bebas, bentuk, bergabung, digraf, gaya, gramatis, indah, konteks, pandangan, pemahaman, penggunaan, perkara, respon, sampingan, segi, seni, suruhan, utama, penjodoh, abstrak, akhir, akhiran, arah, awalan, bantu, berkaitan, bermakna, bertumpu, contoh, dasar, digraph, diimlakkan, faktor, gelaran, grafik, hidup, institusi, jarak, jawapan, jenis, karangan, ketiga, konsongan, kosa, larangan, maksud, masa, pacaindera, peluasan, pendek, penting, penuh, perasaan, permintaan, pola, predikat, ragam, sajak, silaan, subjek, tunjuk, bacaaan, bandingan, bercerita, berganding, berlakon, berpandukan, binaan, digubah, diketahui, dinyanyikan, elemen, format, gurindam, huruf, irama, jeda, jenaka, kandungan, kategori, kerat, konsonan, laporan, menceritakan, mendengar, meningkatkan, nyanyian, pembayang,, perbualan, persekitaran, persendirian, persoalan, perumpamaan, pinjaman, prosa, puisi, rencana, rima, rumusan, sebutan, seloka, semacam, separuh, seruan, sifat, situasi, spontan, syarahan, tafsiran, ucapan, ujaran, ukuran, vokal, waktu, warna
Tahap (D)	Sekurang-kurangnya, sekurangnyanya, daripada 1, satu, 2, dua, tiga, 3, 4, empat, lima, 5, enam, 6, 7, tujuh, 8, lapan, sepuluh 10, menggunakan, dengan
Kecekapan (E)	dengan betul, mengikut konteks, sebutan, intonasi, tepat, secara sesuai, mekanis, bertatasusila, bahasa, jelas, tepatnya, baik, kemas, kreatif, kritis, idea, lengkap, nada, terkawal, aksi, irama, kemasnya, logik, pemahaman, bermakna, berpandukan, gramatis, imlak, ringkas, santun

Kesimpulan dan cadangan

Hasil daripada perbincangan dalam kajian ini, dapat diperhatikan bahawa objektif pembelajaran yang dibina dalam penulisan RPH mempunyai struktur yang tersendiri dan bersistematik serta dapat dianalisis bagi menerbitkan elemen utama bagi penulisannya. Elemen ABCDE yang dijana dengan menggunakan prosedur bersistematik diharapkan menjadi langkah awal untuk pembentukan garis panduan penulisan objektif pembelajaran yang jelas dan autentik. Penggunaan ATLAS.ti dalam menangani kajian berunsurkan teks pula menunjukkan potensi yang tinggi untuk menganalisis dan membentuk konsep yang mendalam serta terperinci pada setiap data yang digunakan. Hasil kajian ini diharapkan bermotivasi dijadikan garis panduan bagi penghasilan objektif pembelajaran bagi subjek Bahasa Melayu dengan sistematik. Namun demikian, kajian ini perlu dikembangkan terutama pada elemen CoC yang digugurkan pada fasa semakan tema. Selain itu, kajian objektif pembelajaran dengan mengaitkan kriteria kejayaan dalam kajian perlu dikembangkan bagi membolehkan penulisan objektif dapat dilihat keselarasannya dengan binaan kriteria kejayaan dalam RPH.

Perisytiharaan konflik kepentingan

Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

Sumbangan pengarang

Mohd Sufian Ismail bertanggungjawab dalam penulisan reka bentuk kajian dan penghantaran makalah akhir. Anida Sarudin bertanggungjawab dalam proses semakan dan pengesahan data sepanjang penulisan ini dilakukan. Mohd Hafiz Mohamad Tarmizi, Rozita Hj Omar dan Khairulnazar Ismail bertanggungjawab dalam interpretasi data. Nor Azimah Ariffin, Nor Anita Mat Isa, Ahmad Jihadi Abu Samah dan Nor Anis Izzati Muhamad Sahlan bertanggungjawab dalam penyediaan makalah akhir.

Pernyataan ketersediaan data

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden (Mohd Sufian Ismail), atas permintaan.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada semua rakan penulis termasuk pensyarah penyelia serta rakan-rakan dari IPGM Kampus Ipoh yang sama-sama berusaha bagi menjayakan kajian ini.

References

- Abdul Razak, M., Radhiah Said, R., & Mohd Fakhruddin, F. (2021). Analisis Penulisan Objektif Menggunakan Konsep “Smart” dalam Rancangan Pelajaran Harian Bakal Guru BPBM bagi Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 7(2), 1–12. <http://www.injet.upm.edu.my>
- Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of educational objectives*. New York, NY: Longman. https://haqaa2.obsglob.org/wp-content/uploads/2020/11/2001_Anderson_A-taxonomy-for-learning-teaching-and-assessing.-A-Revision.pdf
- Cambell, B. A. (2014, May 19). *Writing Learning Objectives: The ABCD Method* [Broadcast]. Diperoleh daripada <https://www.youtube.com/watch?v=cCvBypIX9Do&t=22s>
- Chatterjee, D., & Corral, J. (2017). How to Write Well-Defined Learning Objectives. *Journal of Education in Perioperative Medicine*, XIX (4), 1–4. <https://pmc.ncbi.nlm.nih.gov/articles/PMC5944406/pdf/i2333-0406-19-4-1a.pdf>
- Che Isa, Z., & Hj Azid Aziz, N. (2016). Pembinaan dan Penilaian Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Berasaskan Lapan Prinsip Pembelajaran Berasaskan Projek (Pbl) bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu: Kajian di Malaysia. *Proceedings of The ICECRS*, 1(1). <https://doi.org/10.21070/piccrs.v1i1.644>
- Fadoli, J. (2022). Exploring Lesson Plans Through Learning Objectives Written by English Teachers. *Journal Of Education And Teaching Learning (JETL)*, 4(3), 265–273. <https://doi.org/10.51178/jetl.v4i3.917>
- Friese, S. (2012). *Qualitative Data Analysis with ATLAS.ti*. SAGE Publications Ltd. <https://doi.org/10.4135/9781529799590>
- Friese, S., Soratto, J., & Pires, D. (2018). Carrying out a computer-aided thematic content analysis with ATLAS.ti. *IWMI Working Papers*, 18. https://www.mmg.mpg.de/62142/WP_18-02_Friese-Soratto-Pires_AtlasTI.pdf
- Hennink, M., & Kaiser, B. N. (2022). Sample sizes for saturation in qualitative research: A systematic review of empirical tests. *Social Science and Medicine*, 292. <https://doi.org/10.1016/j.socscimed.2021.114523>
- Hughes, P. (1999). Learning objectives for teaching and training. *Advances in Psychiatric Treatment*, 5(4), 305–310. <https://doi.org/10.1192/apt.5.4.305>
- Mohd Sufian, I., & Anida, S. (2024). Representation of the Use of the Adjective “Love” between Human and AI Using ATLAS.ti Software [Representasi Penggunaan Kata Adjektif “Cinta” antara Human dengan AI menggunakan Perisian ATLAS.ti]. In Z. Rarastesia, R. Gajjala, H. Isam, & D. Djatmika (Eds.), *Proceedings of the Third International Conference on Communication, Language, Literature, and Culture (ICCoLLiC 2024)* (Vol. 883, Issue ICCoLLiC, pp. 608–616). Atlantis Press SARL. <https://doi.org/10.2991/978-2-38476-321-4>
- Mohd Sufian, I., Anida, S., Azman, C. M., & Fitri Nurul'ain, N. (2022). Keunikan Partikel ‘Lah’ Dalam Terjemahan Surah Yasin Di Malaysia [The Uniqueness of the Particle ‘Lah’ in the Translation of Surah Yasin in Malaysia]. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 6(4), 13–27. <https://doi.org/10.33306/mjssh/210>
- Mohd Sufian, I., Anida, S., & Mohd Hafiz, M. T. (2024). Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik: Pembinaan Kata Kunci Utama Soalan Karangan Bahasa Melayu SPM. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 32(1), 37–68. <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.1.03>
- Nachiappan, S., Mamat, N., & Mamud, D. M. (2016). Mengenal pasti aplikasi kognisi dalam rancangan pengajaran harian melalui tunjang sains dan teknologi prasekolah. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 6(1), 50–66. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JRPPTTE/article/view/212/155>
- Putri, E. H., Fadilah, D. R., Ivan, Suhartono, D., & Wiannastiti, M. (2016). Thematic Development for Measuring Cohesion and Coherence Between Sentences in English Paragraph. *2016 4th International Conference on Information and Communication Technology, ICoICT 2016*, 4(c). <https://doi.org/10.1109/ICoICT.2016.7571883>
- Saldana, J. (2016). *Qualitative Coding The Manual Researchers for*. London: SAGE.
- Sze Chong, O., & Mahamod, Z. (2017). Meneroka Kaedah Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Melayu Negeri Serawak: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ)*, 7(1), 93–108. <https://tinyurl.com/ya48chv7>